



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Bantuan Guaman (Pindaan) 1983
DR.38/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman
1971.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1983.

Tajuk ringkas.

2. Akta Bantuan Guaman 1971, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan seksyen 2.
Akta 26.

(a) dengan memotong tafsiran "Kanun Achara Jenayah yang berkenaan" dalam seksyen 2;

(b) dengan menggantikan tafsiran "Hakim" dalam seksyen 2 dengan tafsiran "hakim" yang berikut:

"hakim" ertinya seorang Hakim Mahkamah Tinggi dan, berkenaan dengan pembicaraan dalam Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret atau Mahkamah Juvana, termasuklah Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen atau Majistret, mengikut mana yang berkenaan;".

Pindaan
seksyen 3.

3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “6 dan 16” dalam subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan “19 dan 27”; dan
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “yang berkenaan” dalam perenggan (b) subseksyen (5).

Seksyen 6
dipotong.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 6.

Pindaan
seksyen 8.

5. Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “dan Lembaga” dalam seksyen 8; dan
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “dan Lembaga” dalam nota birai seksyen 8.

Pindaan
seksyen 9.

6. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “Lembaga (lain daripada Pengarah) dan ahli²” dalam subseksyen (1);
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “ahli² Lembaga (lain daripada Pengarah) dan” dalam subseksyen (2); dan
- (c) dengan memotong perkataan-perkataan “ahli² Lembaga dan” dalam nota birai seksyen 9.

Pindaan
seksyen 10.

7. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “yang berkenaan” dalam baris tiga subseksyen (3);
- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “orang itu telah di-pertudoh” dalam subseksyen (3) perkataan-perkataan “, atau kepada Pengarah,”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “perintah itu” dalam subseksyen (4) perkataan-perkataan “, atau kepada Pengarah,”.

8. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 11.

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “kepada sa-orang hakim” dalam subseksyen (1);
- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “hakim itu” dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan “atau Pengarah Bantuan Guaman”;
- (c) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “hakim itu” dalam subseksyen (2) perkataan-perkataan “atau Pengarah Bantuan Guaman”;
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “memperakui hal ini kepada Pengarah Bantuan Guaman, dan atas perakuan itu” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “memperakukan sedemikian dan”; dan
- (e) dengan memotong koma dan perkataan “who” selepas sahaja perkataan-perkataan “the Director of Legal Aid” dalam subseksyen (2) dalam teks bahasa Inggeris.

9. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (2) subseksyen (3) yang berikut:

Pindaan
seksyen 12.

- “(3) Walau apa pun yang terkandung dalam subseksyen (1) dan seksyen 15 dan 16, Peguam Negara boleh, apabila dia berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan keadilan baginya berbuat demikian mengenai mana-mana kesusahan yang tertentu, memberi kuasa kepada Pengarah untuk memberi bantuan guaman berhubung dengan mana-mana pembicaraan sama ada dari perihal pembicaraan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga atau sebaliknya.”.

10. Seksyen 14 Akta ibu dalam teks bahasa Inggeris adalah dipinda dengan memotong huruf “s” dalam perkataan “applicants” dalam perenggan (a).

Pindaan
seksyen 14.

Pindaan
seksyen 15.

11. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong subseksyen (1);
- (b) dengan memotong perkataan-perkataan “Kemudian-nya” dalam subseksyen (2);
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “pemohon itu” dalam baris dua subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “seseorang pemohon untuk bantuan guaman”;
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Lembaga berpendapat” dalam perenggan (a) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “ia berpuas hati”;
- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “lima ratus ringgit” dalam perenggan (b) (i) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “seribu lima ratus ringgit”; dan
- (f) dengan menggantikan perkataan-perkataan “tujuh ratus lima puluh ringgit” dalam perenggan (b) (ii) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “dua ribu ringgit”.

Pindaan
seksyen 16.

12. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Lembaga yang tersebut dalam seksyen 15 (1) berpendapat” dalam perenggan (a) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “ia berpuas hati”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “lima ratus ringgit” dan “tiga ribu lima ratus ringgit” dalam perenggan (b) (i) subseksyen (1) masing-masingnya dengan perkataan-perkataan “seribu lima ratus ringgit” dan “lapan ribu ringgit” masing-masing; dan

- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “tujuh ratus lima puluh ringgit” dan “tiga ribu ringgit” dalam perenggan (b) (ii) subseksyen (1) masing-masingnya dengan perkataan-perkataan “dua ribu ringgit” dan “tujuh ribu lima ratus ringgit”.

13. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 16, seksyen 16A yang berikut :

Seksyen baru 16A.

16A. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam seksyen 15 dan 16, Pengarah hendaklah memberi kepada seseorang pemohon untuk bantuan guaman suatu perakuan bantuan guaman berkenaan dengan apa-apa pembicaraan apabila Peguam Negara telah memberi kuasa kepada Pengarah untuk memberi bantuan guaman di bawah subseksyen (3) seksyen 12.

(2) Sesiapa yang diberi perakuan bantuan guaman di bawah seksyen ini mungkin dikehendaki membayar kepada Pengarah suatu sumbangan terhadap jumlah wang yang kena dibayar atas akaunnya.”

14. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 17.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “sa-ratus lima puluh ringgit” dalam perenggan (v) bagi tafsiran “modal boleh-guna” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “seribu lima ratus ringgit”;

- (b) dengan memasukkan selepas sahaja perenggan (v) bagi tafsiran “modal boleh-guna” dalam subseksyen (1) perenggan (vi) tafsiran itu yang berikut :

“(vi) satu alat pengangkutan yang nilainya tidak lebih daripada seribu ringgit;” dan

- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “satu ratus lima puluh ringgit”, “lima ratus ringgit” dan “tiga ratus enam puluh ringgit” dalam perenggan (i), (ii) dan (iii) tafsiran “pendapatan boleh-guna” masing-masingnya dengan perkataan-perkataan “empat ratus ringgit”, “seribu dua ratus lima puluh ringgit” dan “seribu ringgit”.

Pindaan
seksyen 18.

15. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “seksyen 16” dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan “atau 16A”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “lima ratus ringgit” dalam perenggan (a) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “seribu lima ratus ringgit”; dan

(c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “satu-tengah daripada jumlah baki pendapatan boleh-guna-nya sa-tahun (jika ada) sa-lepas di-tolak satu ribu ringgit” dalam perenggan (b) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “satu per dua belas daripada pendapatannya sebelum potongan-potongan yang disebutkan dalam tafsiran “pendapatan boleh-guna” dalam subseksyen (1) seksyen 17”.

Pindaan
seksyen 19.

16. Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “seksyen 15 atau 16” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “atau, sekiranya dibenarkan sedemikian oleh Peguam Negara, di bawah seksyen 16A”.

Pindaan
seksyen 21.

17. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “atau 16” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “, 16 atau 16A”.

Pindaan
seksyen 22.

18. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “seksyen 15” dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan “, 16 atau 16A”.

Pindaan
seksyen 25.

19. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas sahaja perkataan-perkataan “seksyen 15” dalam subseksyen (4) perkataan-perkataan “, 16 atau 16A”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “lima ratus ringgit” di mana jua ianya terdapat dalam perenggan (a) dan (b) proviso kepada subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan “seribu ringgit”.

20. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 27 dengan seksyen 27 yang berikut: Pindaan seksyen 27.

“Rayuan daripada orang yang dibantu. 27. Jika sesuatu perakuan bantuan guaman yang diberi di bawah seksyen 15, 16 atau 16A telah difailkan dalam mana-mana mahkamah dan pembicaraan yang dimaksudkan oleh perakuan itu telah diadakan dalam mahkamah itu, dan orang yang dibantu itu berkehendak membawa apa-apa rayuan atau apa-apa pembicaraan berupa rayuan terhadap keputusan mahkamah itu, ia tidak berhak membawa rayuan atau pembicaraan berupa rayuan itu sebagai seorang yang dibantu melainkan, dalam kes di mana perakuan itu telah diberi di bawah seksyen 16A, Peguam Negara, dan dalam semua kes lain, Pengarah, berpuas hati bahawa orang yang dibantu itu ada alasan-alasan yang baik untuk merayu dan telah memperakukan sedemikian.”

21. Seksyen 30 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “15 atau 16” dalam perenggan (c) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “15, 16 atau 16A”. Pindaan seksyen 30.

22. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 31, seksyen 31A yang berikut: Seksyen baru 31A.

“Keputusan yang dibuat di bawah Akta adalah terakhir dan muktamad. 31A. Apa-apa keputusan yang dibuat di bawah Akta ini—

- (a) untuk memberi atau menolak dari memberi bantuan guaman di bawah Bahagian III atau IV;
- (b) membatalkan perakuan bantuan guaman atau menolak permohonan bagi maksud itu di bawah seksyen 19; atau
- (c) memperakukan di bawah seksyen 27 bahawa seseorang yang dibantu ada alasan-alasan baik untuk merayu atau menolak permohonan bagi maksud itu,

adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau diulangkaji dalam mana-mana mahkamah:

Dengan syarat bahawa sesiapa yang tidak berpuas hati dengan suatu keputusan yang dibuat di bawah Akta ini oleh sesiapa yang dilantik di bawah subseksyen (2) seksyen 3 menolak permohonan untuk bantuan guaman boleh merayu kepada Pengarah yang mana keputusannya mengenai rayuan itu adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau diulangkaji dalam mana-mana mahkamah.”

Pindaan
Jadual
Pertama.

23. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong Bahagian I Jadual Pertama.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Bantuan Guaman 1971 (kemudian dari ini disebut “Akta ibu”) bagi memperuntukkan aturcara memproses permohonan-permohonan bagi bantuan guaman yang lebih mudah. Aturcara yang lebih mudah ini termasuklah membatalkan Lembaga Bantuan Guaman, meninggalkan had yang paling tinggi pendapatan bolehguna seseorang pemohon yang layak mendapat bantuan guaman, memperuntukkan supaya Peguam Negara mengarah pemberian bantuan guaman dalam mana-mana keadaan kesusahan yang tertentu, membatalkan atau menolak permohonan untuk membatalkan mana-mana perakuan bantuan guaman atau perakuan bahawa seseorang yang dibantu ada alasan-alasan baik untuk merayu, terakhir dan muktamad, dan membuat peruntukan-peruntukan bagi perkara-perkara lain.

2. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan memotong seksyen 6 Akta supaya membatalkan Lembaga Bantuan Guaman. Di bawah seksyen 6 Akta yang sedia ada, tiap-tiap permohonan bagi bantuan guaman diproses oleh Lembaga Bantuan Guaman yang terdiri daripada Pengarah Bantuan Guaman dan tidak kurang daripada dua orang peguamcara dilantik oleh Peguam Negara. Pengalaman setakat ini telah menunjukkan bahawa aturcara ini adalah menyusahkan dan oleh itu dicadangkan supaya dibatalkan.

3. *Fasal 7* dan *8* bertujuan meminda seksyen 10 dan 11 Akta masing-masing untuk meluaskan bidang seksyen-seksyen ini bagi membolehkan permohonan-permohonan untuk bantuan guaman dalam kes-kes jenayah dapat dibuat bukan saja kepada seorang hakim bahkan kepada Pengarah Guaman juga.

4. *Fasal 9* mengandungi satu pindaan kepada seksyen 12 Akta bagi membolehkan Peguam Negara membenarkan Pengarah memberi bantuan guaman berkenaan dengan apa-apa prosiding, sama ada terdiri daripada prosiding yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta atau tidak; jika Peguam Negara berpuas hati bahawa dalam keadaan tertentu bantuan guaman patut diberi demi kepentingan keadilan, Biro Bantuan Guaman telah kebelakangan ini menerima permohonan yang termasuk dalam kategori ini tetapi Biro tidak dapat memberi bantuan oleh kerana sekatan-sekatan yang dikenakan oleh seksyen 15 dan 16 Akta dan bidang perkara yang ternyata dalam Jadual Ketiga. Walau bagaimanapun sekiranya bidang kuasa Jadual Ketiga diperluaskan secara umum, ini akan menyebabkan permohonan untuk bantuan guaman akan bertambah dan Biro setakat ini tidak mampu mengendalikan beban kerja yang akan bertamah. Walaupun dengan secara kecil-kecilan sahaja, pindaan yang dicadangkan ini akan dapat menentukan bahawa sistem bantuan guaman Malaysia lebih selaras dengan sistem bantuan guaman negeri-negeri lain di mana bantuan guaman untuk yang miskin diberi bagi semua jenis kes. *Fasal 13* mengandungi suatu pindaan berbangkit daripada pindaan dalam *Fasal 9*.

5. Pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui *Fasal 11, 12, 14 dan 15* bertujuan meminda seksyen 15, 16, 17 dan 18 Akta masing-masing untuk meninggikan had paling tinggi modal bolehguna, pendapatan bolehguna dan lain-lain ke tahap yang merupakan keadaan sebenarnya berbanding dengan tahap yang terdapat pada permulaan skim bantuan guaman supaya lebih ramai lagi orang yang keadaan ekonominya tertekan menjadi layak menerima bantuan guaman dan faedah daripada perkhidmatan Biro itu. *Fasal 11, 12, 14 dan 15* juga bertujuan membuat pindaan-pindaan berbangkit.

6. *Fasal 20* bertujuan menggantikan seksyen 27 Akta dengan suatu peruntukan yang diubahsuai yang memperuntukkan perakuan peguamcara tidak lagi diperlukan oleh orang yang dibantu untuk membawa apa-apa rayuan atas sifat itu dan sebaliknya memperuntukkan Peguam Negara, dalam kes-kes tertentu, dan Pengarah, dalam semua kes lain, supaya menggunakan budi bicara mereka dalam perkara itu. Tujuan pindaan ini ialah untuk menjimatkan masa dan belanja.

7. *Fasal 22* bertujuan memasukkan seksyen baru 31A dalam Akta yang memperuntukkan bahawa keputusan yang dibuat di bawah Akta untuk memberi bantuan guaman adalah terakhir dan muktamad. Ini bertujuan mencegah permohonan-permohonan membatalkan keputusan yang selalunya beralasan bahawa pemohon tidak layak diberi bantuan guaman. Ini adalah juga bertujuan untuk menentukan bahawa pembicaraan yang berkenaan dengannya pemohon-pemohon bagi bantuan guaman telah dibuat dan diberi atau ditolak tidak akan terganggu oleh bantahan dan hujah mengenai tafsiran perkara-perkara yang ditentukan dalam Jadual Kedua dan Ketiga Akta.

8. Pindaan-pindaan lain dalam Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan kecil dan yang berbangkit kepada Akta dan seterusnya bagi menyelaraskannya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa tambahan pembelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 1233.]